

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SAW369 - Kaum Wanita dan Masyarakat/  
SAU213 - Gender, Ideologi dan Kuasa

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan Bahagian A WAJIB dijawab dan pilih DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

Soalan WAJIB.

1. Perjuangan wanita di Malaysia untuk mendapatkan hak-hak wanita dan hak-hak pekerja sudah bermula sejak 1940an. Terangkan perjuangan ini sejak masa itu sehingga ke hari ini di mana NGO (organisasi bukan kerajaan) wanita banyak melibatkan diri. Sebutkan pencapaian dan kejayaan mereka sehingga hari ini.

[40 markah]

...2/-

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Perbandaran dan industrialisasi membawa banyak perubahan ke atas institusi keluarga. Apakah pelbagai bentuk keluarga yang wujud dan isu-isu semasa mengenai keluarga? Beri analisis anda mengenai kewujudan pelbagai bentuk keluarga dan masalah sosial yang timbul akibat dari perubahan-perubahan yang berlaku ke atas keluarga. Beri contoh-contoh yang munasabah di Malaysia.

[30 markah]

3. Apakah patriarki itu dan struktur-struktur yang berkaitan dengan patriarki? Sejauh manakah patriarki wujud di Malaysia? Beri analisis anda mengenai sistem patriarki di Malaysia dan perjuangan feminism yang cuba menentang beberapa aspek patriarki dalam tempoh 1980-1990.

[30 markah]

4. Perkosaan (rape) merupakan jenayah ganas yang kian meningkat di Malaysia. Apakah yang dimaksudkan dengan "perkosaan" itu dari segi konsepnya dan dalam konteks perundungan di Malaysia? Adakah kita dapat membentuk profil si perogol? Jelaskan. Bincangkan juga kejadian rogol, bentuk-bentuknya, dan punca-punca kejadian ini.

[30 markah]

5. Kebelakangan ini wanita yang bekerja di dalam sektor perkhidmatan kian meningkat. Apakah kerja-kerja dalam sektor perkhidmatan yang dicebori wanita? Buat analisis mengenai kedudukan mereka di tahap hiraki pekerjaan perkhidmatan dan pelbagai masalah keselamatan dan kesihatan yang mereka hadapi. Gunakan contoh-contoh yang sesuai.

[30 markah]

6. Masa kini teknologi maklumat dan media massa memainkan peranan penting dalam membentuk pelbagai peranan dan nilai dalam masyarakat. Apakah peranan "gender" yang ditonjolkan bagi wanita (dan lelaki) dan imajeri yang dikaitkan dengan wanita? Jelaskan dengan menggunakan contoh-contoh yang berkaitan.

[30 markah]